



MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (05)
Tarikh: 2 November 2020

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid & SEMUA Pegawai Masjid di Seluruh Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 5/2020 : PEMAKLUMAN SEGERA KEMATIAN ATAU PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI MASJID

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwat Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-41 Bil. 6/2020 bertarikh 24 September 2020 mengambil maklum berlaku permasalahan berkaitan lebihan bayaran akibat kelewatan makluman kematian atau peletakan jawatan seorang pegawai masjid.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Pegawai Masjid hendaklah melaksanakan tindakan-tindakan berikut:

i. Kematian Pegawai Masjid

- a. Jawatankuasa Pengurusan Masjid hendaklah memaklumkan maklumat kematian melalui surat rasmi kepada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing dan Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, JAIS dalam tempoh **7 hari daripada tarikh kematian**.
- b. Jawatankuasa Pengurusan Masjid hendaklah mengemukakan salinan sijil kematian Pegawai Masjid berkenaan dalam tempoh **14 hari daripada tarikh kematian**.

ii. Notis Peletakan Jawatan Pegawai Masjid


- a. Pegawai Masjid hendaklah menghantar notis peletakan jawatan kepada Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan salinan kepada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing dan Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, JAIS dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh peletakan jawatan.
- b. Jawatankuasa Pengurusan Masjid hendaklah memohon penamatan pelantikan pegawai masjid secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Permohonan Penamatan Pegawai Masjid setelah mendapat notis daripada Pegawai Masjid dengan kadar segera.

3. Arahan ini hendaklah **berkuatkuasa mulai 25 September 2020**.

4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

“PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH”
“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”



(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak

s.k: Semua Pegawai Agama Islam Bahagian